

Transformasi teknologi

Lizam Ridzuan
lizamridzuan@hmetro.com.my



ELETRE sebagai SUV termaju.

PreviousNext

ERA mobiliti elektrik menjadi hala tuju kebanyakan pengeluar kenderaan dan yang terbaharu, model Lotus Eletre Serba Baharu.

Ia adalah model kenderaan utiliti sukan (SUV)-Hyper elektrik sepenuhnya adalah satu daripada model dalam era transformasi jenama Lotus.

Berpengalaman lebih 70 tahun dalam kejuruteraan dan rekaan kereta sports, DNA itu diteruskan menerusi penghasilan kenderaan gaya hidup terkini bagi disesuaikan dengan golongan sasaran pelanggan baharu jenama itu.

Rekaannya diinspirasi daripada model Lotus Evija yang direka berdasarkan udara menjadikan aliran angin teras utama untuk lebih aerodinamik, pantas, jarak dan penggunaan tenaga yang efisien.

Jentera ini juga mampu menghasilkan 600 kuasa kuda (hp) dengan keupayaan mencapai kelajuan sifar ke 100 kilometer/sejam (km/j) dalam tempoh kurang tiga saat.

Sebagai ciri kenderaan elektrik (EV), ia perlu dicas dengan pantas iaitu 350kW dalam tempoh 20 minit untuk jarak sehingga 400km.



REKAAN ciri aerodinamik.

Ia boleh juga disesuaikan untuk pengecas Aliran Ulang-Alik (AC) kapasiti 22kW.

Sasaran Lotus mahu menjadikan ia mencapai jarak perbatuan (WLTP) sehingga 600km dengan sekali pengecasan penuh.

Lotus Eletre juga dilengkapi pelbagai ciri moden termaju dalam mana-mana SUV pernah dihasilkan yang dilengkapi sistem Light Detection and Ranging (LIDAR) yang pertama dalam segmennya.

Pengarah Urusan Lotus Cars, Matt Windle berkata, Eletre ialah komitmen mereka dalam menggerakkan Lotus ke dalam segmen automotif baharu sepenuhnya untuk daya tarikan dan kebolehcapaian global lebih luas.

"Ia adalah titik penting dalam sejarah syarikat dan menjadi permulaan ke arah perubahan perniagaan dalam menawarkan kepada pelanggan alternatif berbeza daripada kebanyakan pengeluar.



GAYA dan keselesaan

"Eletre memiliki jiwa Lotus dalam SUV dan selain model Emira, ini adalah model yang sempurna dalam barisan model Lotus," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Group Lotus, Feng Qingfeng berkata, Eletre daripada jenama kereta berprestasi ikonik akan menarik peminat automotif yang sukakan cabaran dan mereka yang menggemari keseronokan pengendalian dinamik.

"Ia adalah gabungan unik dengan reka bentuk menarik, prestasi dinamik luar biasa dan sesuai bagi pemanduan harian buat mereka yang berani melihat sesuatu di luar kebiasaan," katanya.

Lotus Eletre menggunakan material gentian karbon dan aluminium dalam kebanyakan bahagian untuk mengurangkan berat keseluruhan kenderaan dengan ruang dalaman ciri tekstil buatan tangan yang tahan lama.

SUV-Hyper ini akan memulakan pembuatan dan pengeluaran di kilang berteknologi tinggi di China pada akhir tahun ini.



KABIN ciri futuristik.

Disiarkan pada: April 3, 2022 @ 6:40am